

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **BERTULIS**
- DARIPADA** : **DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**
- SOALAN** : **Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk melaksanakan sistem penyuburan dan kawalan perosak untuk sawah dengan berteraskan mesra alam dan mengurangkan penggunaan pelbagai jenis racun untuk tanaman padi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian menerusi pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah merancang untuk melaksanakan sistem penyuburan dan kawalan makhluk perosak yang berteraskan mesra alam menerusi Pengurusan Perosak Bersepadu (PPB). Buat masa ini, ianya telah dilaksanakan di kawasan jelapang padi di Malaysia. Perlaksanaan PPB yang menggabungkan kaedah multidisiplin untuk membentuk strategi yang pratikal, berkesan dan ekonomik dapat melindungi kesihatan awam serta alam sekitar merupakan asas utama dalam konsep pertanian yang lestari. Selain itu, aktiviti penyelidikan juga turut dilakukan seperti pembangunan dan penggunaan varieti padi

rintang, pemeliharaan dan pemuliharaan kawalan semula jadi serta kawalan menggunakan agen biologi.

Selain itu, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pertanian Malaysia juga telah melaksanakan aktiviti Pengawasan dan Ramalan yang dilaksanakan di seluruh negara bertujuan untuk mengesan dan mengenalpasti status perosak yang akan dijadikan panduan bagi membuat keputusan dalam mengurus serangan perosak. Aktiviti ini juga adalah merupakan sistem amaran awal ("*Early Warning System*") yang boleh membantu dalam mengatasi masalah serangan perosak dan penyakit sebelum ia menjadi wabak yang boleh mendatangkan kerugian teruk kepada petani. Petani-petani dinasihati supaya menggunakan racun hanya apabila populasi perosak melebihi paras ambang ekonomi (*ETL = Economic Treshold Level*) dan racun yang dipilih pula hendaklah yang bukan dari jenis racun berspektrum luas (*Broad Spectrum Pesticide*).

Selain itu, kempen kesedaran turut diberikan kepada petani untuk memberi kefahaman tentang kawalan perosak dan penyakit supaya tidak menggunakan racun yang tidak berdaftar. Program latihan kepada petani turut diperbanyakkan seperti "*Training of the farmers*" bagi meningkatkan ilmu golongan petani untuk mengenali perosak dan penyakit supaya mereka dapat memantau dan menjaga tanaman padi sendiri daripada serangan perosak dan penyakit.